



## JAWATAN KOSONG DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA

A. Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Lembaga Getah Malaysia dalam jawatan seperti berikut:

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI PENEMPATAN
1.	JURUTERA	J41	TETAP	MIN : RM2,529.00 MAKS : RM9,643.00	LEMBAH KLANG
2.	PEGAWAI TADBIR	N41	TETAP	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	LEMBAH KLANG
3.	PEGAWAI TADBIR (UNDANG-UNDANG)	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	LEMBAH KLANG
4.	PEGAWAI TADBIR (PENGUAT KUASA)	N41	TETAP	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	LEMBAH KLANG
5.	PEGAWAI PENYELIDIK	Q41/Q43/ Q47/Q51/Q53	TETAP	MIN : RM2,315.00 MAKS : RM13,248.00	LEMBAH KLANG
6.	PEGAWAI PENYELIDIK	Q41/Q43/ Q47/Q51/Q53	TETAP	MIN : RM2,315.00 MAKS : RM13,248.00	KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
7.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N36	KONTRAK	MIN : RM3,527.00 MAKS : RM7,506.00	WILAYAH TIMUR
8.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA29	TETAP	MIN : RM1,549.00 MAKS : RM5,684.00	LEMBAH KLANG
9.	PENOLONG JURUTERA	JA29	TETAP	MIN : RM1,549.00 MAKS : RM5,701.00	LEMBAH KLANG
10.	PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN	KP29	TETAP	MIN : RM1,493.00 MAKS : RM5,696.00	LEMBAH KLANG
11.	PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA	KP29	TETAP	MIN : RM1,493.00 MAKS : RM5,696.00	LEMBAH KLANG
12.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PEREKA)	N29	KONTRAK	MIN : RM1,493.00 MAKS : RM5,672.00	LEMBAH KLANG
13.	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN	N19	TETAP	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI PENEMPATAN
14.	PEMBANTU TADBIR (PEREKA)	N19	TETAP	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	LEMBAH KLANG
15.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N19	TETAP	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA
16.	PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT	N19	KONTRAK	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	LEMBAH KLANG
17.	PEMBANTU PENYELIDIK	Q19	TETAP	MIN : RM1,355.00 MAKS : RM4,007.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA
18.	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	W19	TETAP	MIN : RM1,353.00 MAKS : RM4,005.00	LEMBAH KLANG
19.	OPERATOR LOJI	H11	TETAP	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA
20.	PEMANDU KENDERAAN	H11	TETAP	MAKS : RM1,218.00 MIN : RM2,939.00	KOTA TINGGI, JOHOR
21.	PEMBANTU AWAM	H11	TETAP	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA
22.	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	TETAP	MIN : RM1,205.00 MAKS : RM2,939.00	KOTA TINGGI, JOHOR
23.	PEMBANTU OPERASI	N11	TETAP	MIN : RM1,216.00 MAKS : RM2,983.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

**TARIKH IKLAN DIBUKA: 11 JUN 2021**

**B. SYARAT UMUM**

1. Warganegara Malaysia; dan
2. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup permohonan.

**C. SYARAT-SYARAT KHUSUS**

Syarat-syarat khusus adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

**D. TATACARA PERMOHONAN**

1. Permohonan jawatan kosong boleh dikemukakan dengan mengisi borang mengikut gred jawatan secara atas talian di pautan dalam **JADUAL 1** di bawah.
2. Pemohon hendaklah memastikan bahawa syarat-syarat yang dinyatakan di LAMPIRAN A untuk jawatan yang ingin dipohon adalah dipenuhi sebelum mengemukakan permohonan.
3. Permohonan **tidak perlu dicetak / dipos ke LGM.**
4. Pemohon hendaklah memastikan semua **maklumat** adalah **tepat dan terkini** sebelum permohonan dibuat.

**Tarikh tutup permohonan adalah pada 26 JUN 2021**

BIL	GRED JAWATAN	BORANG PERMOHONAN
-----	-----------------	-------------------

i. **Gred 41** Link pautan: <https://forms.office.com/r/k13WHn5UQs>

**ATAU**

Mengimbas kod berikut pada telefon pintar atau tablet:



ii. **Gred 29** Link pautan: <https://forms.office.com/r/Lgwk503CL0>

**ATAU**

Mengimbas kod berikut pada telefon atau tablet:



iii. **Gred 19** Link pautan: <https://forms.office.com/r/bniZMaQfv4>

**ATAU**

Mengimbas kod berikut pada telefon atau tablet:



iv. **Gred 11** Link pautan: <https://forms.office.com/r/KgciUQKLhh>

**ATAU**

Mengimbas kod berikut pada telefon atau tablet:



**CATATAN AM**

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
2. Pemohon-pemohon yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.**
3. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi **Cik Noor Nabilah Binti Mohamad Zaidee** (Unit Pembangunan Sumber Manusia/Seksyen Perjawatan) Lembaga Getah Malaysia di talian **03-9206 2000 ext : 2205**

\*\*\*\*\*

**JAWATAN 1**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
JURUTERA	J41	TETAP	MIN : RM2,529.00 MAKS : RM9,643.00	LEMBAH KLANG

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dari mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya; dan
  - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti berikut:
- a) Mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam akta-akta yang berkuat kuasa di Malaysia yang berkaitan dengan tugas termasuklah *Uniform Building By-Laws* (UBBL) 1984, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007 (Akta A1286) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2007;
  - b) Memiliki kemahiran dan pengetahuan berkaitan pentadbiran kontrak kerajaan dan proses-proses perundangan yang terlibat;
  - c) Berpengetahuan tentang proses perolehan kerajaan serta pekeliling/peraturan yang berkaitan;
  - d) Mempunyai pengalaman mengetuai dan mengendalikan projek pembangunan hartanah serta berpengetahuan dalam penyelenggaraan aset dan harta organisasi;
  - e) Berkebolehan dalam mengurus dan menyelia hal-hal pentadbiran, kewangan dan sumber manusia serta mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang dinamik dan berwawasan;
  - f) Mempunyai prestasi yang cemerlang dan tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib;
  - g) Berkemahiran dalam bidang pengurusan kewangan dan perniagaan serta mempunyai jaringan busines yang baik; dan
  - h) Memiliki sifat keyakinan yang tinggi, visi yang jelas serta kemahiran interpersonal dan integriti yang cemerlang.
- ii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Merancang dan menyelaras hal-hal berkaitan kerja-kerja pembangunan, naik taraf dan pengurusan fasiliti LGM agar berjalan mengikut jadual serta sasaran kerja yang telah dirancang;
  - b) Memastikan setiap projek pembangunan dan pengurusan fasiliti di LGM dikoordinasi serta dilaksanakan dengan cekap dan professional;
  - c) Menyediakan laporan semasa atau laporan bulanan bagi projek pembangunan infrastruktur dan fizikal baru dan kerja-kerja naik taraf / ubah suai di bawah pemantauan;
  - d) Menguruskan dokumentasi bagi kemudahan proses pelantikan perunding / kontraktor bagi projek-projek pembangunan baru / naik taraf / ubah suai di LGM;

No. Rujukan LGM: Bil. 2/2021

- e) Memantau dan mengawal selia prestasi kerja perunding / kontraktor yang dilantik untuk projek-projek yang berkaitan di LGM;
- f) Memberikan khidmat teknikal / pengesyoran berkenaan spesifikasi kerja dan peralatan peralatan, ringkasan tender serta sebut harga sistem dalam bidang yang berkaitan;
- g) Menguruskan perolehan yang berkaitan tugas dan bidang agar ianya mematuhi peraturan dan prosidur yang berkuatkuasa; dan
- h) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 2**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR	N41	TETAP	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	LEMBAH KLANG

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti berikut:
- a) Mempunyai keupayaan dalam mengendalikan urusan yang melibatkan teknologi (IT) dan mencipta strategi pembangunan pemasaran serta promosi di semua saluran termasuk laman web, emel, komunikasi cetak dan atas talian; dan
  - b) Berpengalaman dalam mengendalikan latihan untuk kumpulan sasaran yang pelbagai.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab merancang, mengelola dan mengawasi perjalanan program latihan dan kursus jangka pendek;
  - b) Mengawal kesempurnaan perjalanan kursus-kursus kemahiran berkaitan industri getah bagi mencapai objektif yang ditetapkan selaras dengan Akta LGM 1996 (Akta 551);
  - c) Menyelaras kurikulum latihan termasuklah mengadakan perbincangan dengan pihak luar bagi tujuan ini untuk kegunaan agensi; dan
  - d) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 3**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR (UNDANG-UNDANG)	N41	KONTRAK	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	LEMBAH KLANG

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dari mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya atau lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*); dan
  - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- a) Mempunyai pengalaman sebagai peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya;
  - b) Mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai undang-undang sivil dan undang-undang harta intelek serta memiliki rangkaian hubungan yang luas; dan
  - c) Memiliki sifat keyakinan yang tinggi, kemahiran interpersonal yang baik serta integriti yang cemerlang.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, guaman dan hal ehwal antarabangsa di LGM;
  - b) Mengendalikan urusan berkaitan memorandum dan perjanjian termasuklah perjanjian penyelidikan dan pembangunan, perjanjian biasiswa dan pengeluaran lesen getah;
  - c) Mengurus dan menguatkuasa semua peraturan dan undang-undang berkaitan industri getah;
  - d) Memberikan pandangan dan nasihat mengenai isu berkaitan dengan dasar dan perundangan di LGM;
  - e) Mengurus dan mengendalikan aspek-aspek berkaitan harta intelek; dan
  - f) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.



**JAWATAN 4**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR (PENGUAT KUASA)	N41	TETAP	MIN : RM2,080.00 MAKS : RM9,546.00	LEMBAH KLANG

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Mengurus, membuat pemantauan, dan mengkaji semua aktiviti penguatkuasaan operasi, pendakwaan serta siasatan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan Peraturan-Peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014 dan Akta LGM 1996 (Akta 551) dipatuhi;
  - b) Menguruskan pungutan ses bagi memastikan urusan kutipan ses adalah selaras dengan Perintah LGM (Ses) 2009;
  - c) Memberikan khidmat nasihat kepada pihak yang berkepentingan dalam bidang yang berkaitan;
  - d) Memantau sistem atas talian yang berkaitan bagi memastikan penggunaan sistem berjalan dengan lancar dan berkesan;
  - e) Membantu Ketua Unit melaksanakan urusan pentadbiran am unit; dan
  - f) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 5**

JAWATAN	GREED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI PENYELIDIK	Q41/Q43/Q47/ Q51/Q53	TETAP	MIN : RM2,315.00 MAKS : RM13,248.00	LEMBAH KLANG

- i. **SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains, pertanian atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. **SYARAT TAMBAHAN** :
- Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti berikut:
- a) Mempunyai ijazah sarjana dalam bidang berkaitan Revolusi Industri ke-4 (IR4.0);
  - b) Mempunyai pengalaman kerja atau penyelidikan yang melibatkan automasi teknik pemprosesan atau pembuatan menggunakan gabungan konsep robotik, sensor dan *Internet of Things (IoT)*; dan
  - c) Mempunyai Pengetahuan ICT yang asas untuk membolehkan informasi yang dijana dapat dipertingkatkan ke arah pemantauan melalui aplikasi mudah alih.
- ATAU
- d) Mempunyai latar belakang akademik dan penyelidikan yang kukuh dalam bidang biokimia dan genetik.
- iii. **DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Menjalankan penyelidikan ke atas mesin-mesin di kilang ke arah automasi pengadunan dan pemprosesan getah kering serta pembuatan barangan getah menggunakan gabungan konsep robotik, sensor dan *Internet of Things (IoT)* serta pemantauan sistem melalui aplikasi mudah alih; dan/atau
  - b) Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penyelidikan dan pembangunan (R&D), memberi perkhidmatan kepakaran, latihan, khidmat perundingan dan penerbitan artikel dalam bidang yang berkaitan; dan
  - c) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 6**

JAWATAN	GED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI PENYELIDIK	Q41/Q43/Q47/ Q51/Q53	TETAP	MIN : RM2,315.00 MAKS : RM13,248.00	KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains, pertanian atau kejuruteraan pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang yang dipersetujui;
  - b) Memberi perkhidmatan kepakaran, latihan dan khidmat nasihat/perundingan kepada pihak yang berkepentingan;
  - c) Menyelaras dan memantau aktiviti latihan/kursus bagi memenuhi keperluan industri getah Negara;
  - d) Menghasilkan melaksanakan bahan-bahan penerbitan seperti artikel, risalah teknologi dan seumpamanya dalam bidang yang berkaitan;
  - e) Melaksanakan aktiviti berkaitan dengan Peraturan-Peraturan LGM (Pelesenan) 2014 bagi memastikan peraturan sedia ada dipatuhi demi keselamatan industri getah Negara;
  - f) Mewakili LGM dalam aktiviti rasmi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, agensi pelaksana, dan badan NGO yang diiktiraf oleh LGM bagi memenuhi keperluan industri getah Negara; dan
  - g) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 7**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N36	KONTRAK	MIN : RM3,527.00 MAKS : RM7,506.00	WILAYAH TIMUR

- i. SYARAT LANTIKAN :**
- a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - b) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - c) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf; atau
  - d) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - e) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran bahasa melayu di peringkat SPM/SPVM.
- ii. DESKRIPSI TUGAS :**
- a) Mengenal pasti kawasan berpotensi menghasilkan lateks di Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang;
  - b) Membuat penilaian awal ke atas koperasi atau usahawan getah yang berminat dan berpotensi untuk menjalankan perdagangan lateks;
  - c) Merangka aktiviti promosi kepada pekebun kecil berkaitan pulangan hasil dalam pengeluaran lateks berbanding *cuplump*;
  - d) Bertindak sebagai penghubung antara peserta program (Pelesen dan Pekebun Kecil) dengan LGM bagi menjayakan pelaksanaan program Insentif Pengeluaran Lateks (IPL) di ketiga-tiga negeri; dan
  - e) Menyediakan dan melaporkan maklumat, serta kemajuan program (berkala dan tidak berkala) kepada Ketua Projek negeri.

**JAWATAN 8**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA29	TETAP	MIN : RM1,549.00 MAKS : RM5,684.00	LEMBAH KLANG

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai Sijil dalam bidang teknologi maklumat, prosesan data atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - b) Mempunyai Diploma dalam bidang teknologi maklumat, sains komputer atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab membangunkan program baru untuk sesuatu sistem gunaan komputer;
  - b) Memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa;
  - c) Menyelenggara sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna; dan
  - d) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 9**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENOLONG JURUTERA	JA29	TETAP	MIN : RM1,549.00 MAKS : RM5,701.00	LEMBAH KLANG

- i. SYARAT LANTIKAN :**
- a) Mempunyai Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - b) Mempunyai Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - c) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. DESKRIPSI TUGAS :**
- a) Bertanggungjawab membantu melaksanakan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik;
  - b) Menyediakan laporan kemajuan projek di bawah seliaan;
  - c) Membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender;
  - d) Menjalankan kerja penyelenggaraan bangunan dan bengkel;
  - e) melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyelenggaraan berkala peralatan elektrik dan mesin;
  - f) merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia tugas yang berkaitan; dan
  - g) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 10**

JAWATAN	GREDE	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN	KP29	TETAP	MIN : RM1,493.00 MAKS : RM5,696.00	LEMBAH KLANG

- SYARAT LANTIKAN** :
- Mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Sijil Tinggi Agama Malaysia atau Sijil Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; atau
  - Mempunyai Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM.

- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- Melempi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera yang ditetapkan seperti berikut:
- Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat, memantau dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan serta arahan mengenai keselamatan perlindungan kepada LGM dan Sasaran Penting serta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan termasuk sektor swasta yang berkaitan untuk mengekal dan mempertingkatkan tahap keselamatan fizikal; dan
  - Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 11**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA	KP29	TETAP	MIN : RM1,493.00 MAKS : RM5,696.00	LEMBAH KLANG

- i. SYARAT LANTIKAN :**
- a) Mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Sijil Tinggi Agama Malaysia atau Sijil Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - b) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; atau
  - c) Mempunyai Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - d) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM.
- ii. SYARAT TAMBAHAN :** Melempi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera yang ditetapkan seperti berikut:
- a) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - b) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - c) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - d) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - e) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - f) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - g) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- iii. DESKRIPSI TUGAS :**
- a) Bertanggungjawab membantu melaksanakan tugas-tugas berkaitan pemantauan penguatkuasaan di lapangan dan mengendalikan hal ehwal pemprosesan kelulusan lesen dan permit getah daripada seluruh Malaysia serta Sijil Tempat Asal (CO); dan
  - b) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.



**JAWATAN 12**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PEREKA)	N29	KONTRAK	MIN : RM1,493.00 MAKS : RM5,672.00	LEMBAH KLANG

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
  - b) Mempunyai Diploma dalam bidang senilukis dan senireka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - c) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- a) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pereka Grafik dalam bidang penerbitan;
  - b) Mempunyai kemahiran menggunakan perisian *Adobe InDesign*, *Adobe Photoshop*, *Adobe Illustrator* dan *Microsoft Word*; dan
  - c) Berkebolehan dan berpengalaman dalam bidang ilustrasi/lukisan, fotografi dan mahir menggunakan perisian 3D seperti *Studio Max*, *Maya*, *SketchUp* atau yang berkaitan.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja reka bentuk grafik untuk penerbitan;
  - b) Membantu menyediakan keperluan grafik bagi acara-acara rasmi seperti pameran, seminar, bengkel, reka bentuk imej korporat dan lain-lain tugas yang berkaitan; dan
  - c) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 13**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN	N19	TETAP	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

- i. **SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - a) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. **DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berkaitan khidmat telefon, khidmat penerangan dan khidmat perhubungan pelanggan di peringkat agensi seperti mengendalikan panggilan telefon (peringkat dalaman dan luaran), melayani dan membantu pelanggan yang berurusan dengan agensi dan memberi penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh agensi; dan
  - b) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 14**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU TADBIR (PEREKA)	N19	KONTRAK	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	LEMBAH KLANG

- i. **SYARAT LANTIKAN** : a) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; dan  
b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. **SYARAT TAMBAHAN** : Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai:  
a) Sijil Rekabentuk Grafik; dan  
b) Pengalaman dalam bidang penerbitan, rekabentuk grafik dan *Desktop Publishing (DTP)*
- iii. **DESKRIPSI TUGAS** : a) Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja reka bentuk grafik untuk penerbitan;  
b) Membantu menyediakan keperluan grafik bagi acara-acara rasmi seperti pameran, seminar, bengkel, reka bentuk imej korporat dan lain-lain tugas yang berkaitan; dan  
c) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 15**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N19	TETAP	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

- i. **SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - c) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. **DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi, aset dan perolehan) di Agensi; dan
  - b) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 16**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT	N19	KONTRAK	MIN : RM1,352.00 MAKS : RM4,003.00	LEMBAH KLANG

- i. **SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - b) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM.
- ii. **DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian Ketua Unit berjalan lancar;
  - b) memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyerat, laporan dan pengurusan fail;
  - c) memastikan semua keperluan rasmi Ketua Unit dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur; dan
  - d) melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 17**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU PENYELIDIK	Q19	TETAP	MIN : RM1,355.00 MAKS : RM4,007.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

- i. **SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - b) Mempunyai Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; dan
  - c) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
- ii. **DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab dalam membantu melaksanakan pembangunan teknologi yang berkaitan;
  - b) Membantu melaksanakan penyelidikan asas berkaitan industri getah;
  - c) Membantu melaksanakan aktiviti pemindahan teknologi, khidmat kepakaran dan khidmat nasihat teknikal kepada pihak yang berkepentingan; dan
  - d) melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 18**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	W19	TETAP	MIN : RM1,353.00 MAKS : RM4,005.00	LEMBAH KLANG

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
  - b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - f) Mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM.
- ii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman; dan
  - b) melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 19**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
OPERATOR LOJI	H11	TETAP	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	LEMBAH KLANG & KOTA TINGGI, JOHOR

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai kelulusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - b) Kepujian Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR).
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan
  - b) Berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab ke atas pengendalian loji/jentera statik jabatan sama ada dandang stim atau enjin pembakaran dalam, penyelenggaraan berjadual/berkala ke atas dandang, prosedur keselamatan dandang serta pengurusan sistem sokongan yang bersangkutan dengan dandang seperti mana diperuntukan dalam peraturan yang berkuatkuasa di bawah Akta Keselamatan Pekerjaan 1994 serta Akta Kilang dan Jentera 1967; dan
  - b) melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.



**JAWATAN 20**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMANDU KENDERAAN	H11	TETAP	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	KOTA TINGGI, JOHOR

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai kelulusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - b) Kepujian Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR)
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya lesen memandu Kelas D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)); dan
  - b) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu dari Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan;
  - b) Bertanggungjawab membawa kenderaan pejabat untuk urusan pentadbiran, menghantar dan mengambil pegawai dan anggota yang datang ke Pejabat Wilayah; dan
  - c) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 21**

JAWATAN	GREDE	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU AWAM	H11	TETAP	MIN : RM1,218.00 MAKS : RM2,939.00	PELBAGAI LOKASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai kelulusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - b) Kepujian Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR)
- ii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Menjalankan kerja-kerja penorehan pokok getah, penyelenggaraan tanaman termasuk cantasan dahan, kawalan rumpai dan pembajaan secara berjadual; atau
  - b) Membantu kerja-kerja pembersihan peralatan di makmal-makmal penyelidikan; atau
  - c) Bertanggungjawab dalam penyediaan makanan termasuk memasak dan melakukan pembersihan, mengemas serta bertanggungjawab menjaga kualiti kebersihan bilik tetamu di pusat penginapan/latihan agensi; dan
  - d) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 22**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	TETAP	MIN : RM1,205.00 MAKS : RM2,939.00	KOTA TINGGI, JOHOR

- i. SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai kelulusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - b) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; dan
  - c) Kepujian Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR).
- ii. SYARAT TAMBAHAN** :
- Melempi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera yang ditetapkan seperti berikut:
- a) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - b) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - c) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - d) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - e) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - f) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - g) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- iii. DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298); dan
  - b) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN 23**

JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
PEMBANTU OPERASI	N11	TETAP	MIN : RM1,216.00 MAKS : RM2,983.00	LEMBAH KLANG & KOTA TINGGI, JOHOR

- i. **SYARAT LANTIKAN** :
- a) Mempunyai kelulusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - b) Kepujian Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR).
- ii. **SYARAT TAMBAHAN** :
- Mempunyai lesen memandu sekurang-kurangnya Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.
- ii. **DESKRIPSI TUGAS** :
- a) Menjalankan kerja-kerja cetakan dokumen sebutharga/tender, kertas-kertas mesyuarat dan dokumen lain;
  - b) Merekod, menghantar dan mengurus surat menyurat;
  - c) Mengendali dan mengurus penyimpanan fail-fail;
  - d) Menyedia dan mengurus keperluan mesyuarat dan bilik mesyuarat; dan
  - e) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.